

BAHASA MELAYU



AYAT SUSUNAN BIASA DAN AYAT SUSUNAN SONGSANG



Perhatikan!

Nyatakan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua gambar tersebut.

01



02



Persamaan

Perbezaan

Apa itu ayat susunan biasa dan
ayat susunan songsang ??

NOTA



Praktis 1

Labelkan subjek, predikat dan keterangan yang terdapat dalam ayat berikut:

1 Pelajar itu telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan itu.

2 Beberapa buah rumah musnah dalam kebakaran pada petang semalam.

Praktis 2

Kenal pasti sama ada ayat berikut merupakan ayat susunan biasa atau ayat susunan songsang:

Ayat Biasa

Ayat Songsang

Perangainya baik sungguh.

☐☐

Dia membaca buku di perpustakaan.

☐☐

Masih bermain budak-budak itu di padang.

☐☐

Daripada Ali surat ini untuk isterinya.

☐☐

Praktis 3

Tukarkan ayat-ayat susunan biasa berikut kepada ayat songsang.

Soalan 1 dan 2, pendepanan keseluruhan predikat.

- 1 Pelajar itu telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan itu.
- 2 Beberapa buah rumah musnah dalam kebakaran pada petang semalam.

Soalan 3, pendepanan kata kerja dengan objek. Soalan 4, pendepanan kata kerja.

- 3 Ali tersepak batu dalam permainan itu.
- 4 Bayi itu menangis setiap malam.

Soalan 5, pendepanan kata adjektif. Soalan 6, pendepanan kata adjektif dengan kata bantu.

- 5 Pegawai baharu di pejabat kami itu bijak.
- 6 Orang muda itu sedang sakit tenat di hospital.

Soalan 7, pendepanan frasa sendi nama sebagai predikat. Soalan 8, pendepanan frasa sendi nama sebagai keterangan dalam predikat.

- 7 Arahan itu kepada pekerja demi kebajikannya.
- 8 Encik Ali akan menghadiri kursus itu pada hujung minggu ini.

